

PM mahu generasi muda pertahan budaya bangsa

Um - 10/4/2007.

RAJA LUVENA SHARIFUDDIN
dan HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 9 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, kerajaan mahu generasi muda mengekalkan budaya bangsa agar masyarakat dunia mengenali identiti Malaysia.

Perdana Menteri berkata, walaupun rakyat negara ini kini dalam perjalanan untuk menjadi bangsa yang maju dan berjaya tetapi jiwa, semangat dan seni budaya mesti dikekalkan serta dibangunkan sepanjang masa.

"Walaupun kita mengejar pembangunan material dan ilmu pengetahuan, kita juga perlu sentia-

Kerajaan tidak mahu budaya universal yang digerakkan Barat mempengaruhi generasi muda sehinggakan seluar dipakai mempunyai bendera negara asing

**ABDULLAH
AHMAD
BADAWI**
Perdana
Menteri

sa menghayati budaya dan kesenian bangsa kita.

"Kerajaan tidak mahu budaya universal yang digerakkan oleh Barat mempengaruhi generasi muda sehinggakan seluar yang dipakai mempunyai bendera negara asing," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan kampus Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan

(Aswara) di Jalan Tun Ismail di sini hari ini. Turut hadir ialah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

Menurut Perdana Menteri, dengan adanya Aswara, akademi itu dapat membentuk generasi yang mempunyai ciri-ciri bangsa Malaysia.

Beliau juga mahu tenaga pengajar akademi itu mendidik ge-

nerasi baru agar memahami bahasa kebangsaan dengan fasih, betul dan dapat menghayati tuisan dalam bahasa tersebut.

Sementara itu, dalam ucapannya pada majlis berkenaan, Abdullah menggesa rakyat Malaysia mempertahankan identiti seni budaya agar ia tidak tenggelam dalam arus global.

"Rakyat negara ini jangan dihanyutkan arus global. Sebaliknya kita perlu kuat untuk mempertahankan budaya kita yang juga mencerminkan wajah bangsa Malaysia," katanya.

Mengenai Aswara, Perdana Menteri berharap institusi itu akan menjadi sebuah akademi yang cemerlang dengan menjalin hubungan akademik dengan pelbagai pihak di luar negara.

Aswara ialah sebuah akademi yang menyediakan pendidikan, penyelidikan dan penerbitan akademik dalam bidang seni, budaya dan warisan.

Akademi itu juga ditubuhkan untuk mewujudkan rangkaian kerjasama dengan industri kreatif dari dalam dan luar negara serta memupuk hubungan dengan ahli akademik dan golongan profesional yang merupakan pakar dalam bidang seni dan warisan.

Aswara yang menawarkan pengajian peringkat sijil, diploma, ijazah pertama dan pascadijazah merupakan institusi baru hasil kenaikan taraf dan penjenamaan semula Akademi Seni Kebangsaan (ASK).

Kampus Aswara terletak di Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur.